

Mekanisme Pengawasan Bahasa Kurang Sopan (*Unparliamentary Language*) di dalam Dewan Rakyat: Perspektif Perundangan

The Control Mechanism of Unparliamentary Language in the Dewan Rakyat: A Legal Perspective

Idzuafi Hadi Kamilan and Muthanna Saari***

Abstrak

Kekerapan insiden penggunaan bahasa kurang sopan di Parlimen merupakan cabaran besar dalam memastikan kelakuan tertib khususnya semasa perbahasan di dalam Parlimen. Pernyataan seksis, perkataan kesat, serangan peribadi termasuk pernyataan merendahkan orang (*condescending*) adalah dianggap sebagai bahasa kurang sopan dalam Parlimen yang tidak seharusnya mempunyai tempat dalam mana-mana badan perundangan. Penulisan ini menelusuri insiden penggunaan bahasa kurang sopan yang tidak berkesudahan di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia meskipun pelbagai peraturan dan Petua Speaker telah dibuat terhadap penggunaan bahasa sedemikian. Peraturan Mesyuarat 36(4) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat merupakan pengawal utama terhadap kesalahan menggunakan bahasa kesat dan pernyataan seksis di dalam Dewan Rakyat. Usaha untuk mendisiplinkan ahli Parlimen berkenaan penggunaan bahasa kurang sopan melalui pelbagai pendekatan perundangan sedia ada dipercayai sudah tidak berkesan. Oleh itu, penulisan ini menganalisis bagaimana bahasa kurang sopan dikawal di badan perundangan negara lain, seterusnya mencadangkan mekanisme pengawasan yang lebih baik dalam mentadbir ketidak tertiban penggunaan bahasa kurang sopan di Dewan Rakyat. Kegagalan untuk mengenakan hukuman yang lebih tegas terhadap

* Idzuafi Hadi Kamilan is a former Research Officer at the Parliament of Malaysia and currently Principal Assistant Secretary, Legal and International Treaties Division at the Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM). Email: idzuafi@suhakam.org.my

** Muthanna Saari is Research Officer at the Parliament of Malaysia.

penuturan bahasa kurang sopan bukan sahaja mencemarkan kesucian institusi Parlimen tetapi memberi isyarat kepada awam bagaimana sesebuah masyarakat yang sihat dan matang perlu berkelakuan.

Kata Kunci: Bahasa Kurang Sopan, Pernyataan Seksis, Dewan Rakyat, Peraturan Mesyuarat, Kod Etika

Abstract

The frequent occurrences of unparliamentary language represent ever-important challenges in ensuring parliamentarians' orderly conduct, particularly during debates in the House of Parliament. Sexist remarks, offensive words, personal reflections, including condescending remarks, are all deemed to be unparliamentary of which should not have a place in any legislature. This paper traces the incessant occurrences of unparliamentary language in the Dewan Rakyat, Parliament of Malaysia, notwithstanding the imposition of regulations and Speaker's rulings against such languages. Standing Order 36(4) of the Dewan Rakyat is the principal guardian against offensive language and sexist remarks in the Dewan Rakyat. Attempts to discipline parliamentarians concerning unparliamentary language through various existing legal approach proved to no avail. Therefore, this paper analyses how unparliamentary language is restrained in other legislatures and proposes a better mechanism for dealing with the disorderly conduct of unparliamentary language in the Dewan Rakyat. Failure to impose stricter sanction over unparliamentary language utterance impaired the sanctity of Parliament and signalled to the public how a mature and healthy society should behave.

Keywords: *Unparliamentary Language, Sexist Remarks, Dewan Rakyat, Standing Order, Ethical Code*

Pendahuluan

Kesopanan dan disiplin diri merupakan intipati penting wacana di dalam Parlimen ... Hal ini bermaksud ia bukan sekadar bersopan santun bagi Ahli yang telah selesai berucap untuk duduk dan kekal mengikuti ucapan seterusnya ... Dengan asas sifat tingkah laku (sopan dan berdisiplin) seperti yang termaktub di dalam konvensyen Dewan, bahawa tradisi perdebatan yang kuat dapat diterima dan boleh diangkasakan di dalam Dewan secara demokratik.¹

1 Select Committee on Procedure UK HC, *Short speeches* (Fourth Report, 1990-1991, xi).

Parlimen adalah sebuah institusi pembuatan keputusan tertinggi yang penting untuk rakyat di dalam sesebuah negara. Ini kerana institusi Parlimen mempunyai sejarah panjang yang bersusur galur sebagai sebuah badan penasihat yang terdiri daripada pembesar-pembesar yang menasihati Ratu di England.² Justeru, penghormatan institusi Parlimen kekal pada hari ini dengan tatacara, prosedur hatta perbahasan yang dijalankan harus berasaskan tatacara yang penuh adab, tertib, bebas dan penuh bertamadun sesuai dengan sifat Parlimen yang pernah menjadi badan Penasihat Diraja.³ Bagi memastikan ahli Parlimen dapat menjalankan peranannya dalam menyampaikan pandangan maka ahli Parlimen ini dilindungi dengan kekebalan dan keistimewaan Parlimen. Hak, kekebalan dan keistimewaan Parlimen ini dijamin dan dilindungi di bawah Perlembagaan bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan di dalam Parlimen. Keistimewaan Parlimen membolehkan ahli-ahli Parlimen bebas menyampaikan pandangan di samping ahli Parlimen tidak boleh dibicarakan di Mahkamah sama ada dalam kes sivil mahupun jenayah atas perkataan yang diucapkan atau atas tindakannya di dalam Parlimen.

Malah keistimewaan Parlimen membolehkan ahli Parlimen sebagai pemimpin yang telah dipilih rakyat boleh menyuarakan suara rakyat tanpa perasaan gentar. Justeru, ahli Parlimen sebagai pemimpin harus bersuara dengan menggunakan bahasa yang sopan, menggunakan budi pekerti yang tinggi serta tertib di dalam institusi Parlimen yang dinaungi Raja.⁴ Walaupun setiap ahli Parlimen dijamin kebebasan bersuara di bawah Perlembagaan namun terdapat sekatan yang diperlukan untuk mencegah ahli Parlimen daripada menyerang watak dan maruah seseorang individu yang lain di dalam Dewan. Sering kali terdapat keadaan ahli-ahli Parlimen menggunakan perkataan '*unparliamentary language*' atau bahasa kurang sopan. Perkataan kurang sopan atau *unparliamentary language* yang dilontarkan ahli Parlimen sama ada sengaja mahupun tidak akan mengundang kemarahan dan kadangkala mengundang pertikaman lidah yang berterusan.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab Speaker atau Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat untuk memastikan peraturan berbahas digunakan di dalam Dewan bagi mengawal tingkah laku ahli-ahli, sama

2 R. Blackburn dan lain-lain, *Griffith and Ryle on Parliament: Functions, Practice and Procedures* (2nd edn, London, Sweet & Maxwell, 2003) 6-088.

3 New South Wales Legislative Council Practice, *Rules of Debate*.

4 A.B. Abdullah, *Parlimen Malaysia: Amalan dan Chara* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969) 67.

ada kepada ahli-ahli lain dan kepada institusi Parlimen sendiri. Kuasa disiplin Pengerusi untuk memastikan perbahasan sangat berfokus dan relevan dan kuasa disiplin ini membenarkan Pengerusi mengarahkan mana-mana ahli yang gagal bertindak dengan tingkah laku dengan sewajarnya untuk meninggalkan Dewan.⁵ Bagi tujuan penulisan ini, skop perbahasan adalah berkisar pada undang-undang yang digunakan untuk mengawal penggunaan bahasa kurang sopan (biadab) di dalam Dewan Rakyat dan mencadangkan penambahbaikan dan mekanisme lain yang boleh digunakan untuk mengawal ahli Dewan Rakyat khususnya di dalam Parlimen Malaysia daripada terus menggunakan bahasa kurang sopan secara berterusan di dalam Dewan.

Penggunaan bahasa kurang sopan di Parlimen

Sejarah dan perkembangan

Sejarah penggunaan perkataan bahasa kurang sopan bermula di *House of Commons* apabila seseorang menyalahi aturan menghormati orang lain.⁶ Konvensyen 'menghormati orang lain' di dalam Parlimen dapat dilihat dengan setiap ahli Parlimen bergelar 'Yang Berhormat' serta diterjemahkan juga agar seseorang ahli tidak saling menuduh ahli yang lain sebagai berbohong, mabuk, memberi gambaran yang salah, atau menghina satu sama lain.⁷ Penggunaan bahasa kurang sopan dikatakan telah bermula sejak abad ke-17. Namun catatan pertama dalam *Oxford English Dictionary* mengenai penggunaan bahasa kurang sopan hanya bermula pada tahun 1810: 'Speaker menyatakan bahawa...seorang Ahli telah menggunakan bahasa kurang sopan'.⁸ Namun, terdapat beberapa pelanggaran lebih awal khususnya apabila Oliver Cromwell membubarkan Parlimen pada 20 April 1653, dia menggunakan kata-kata yang memalukan dengan memanggil pemerintah ketika itu sebagai 'whoremasters, pemabuk, korup dan orang yang tidak adil'.⁹

Institusi Parlimen sejak itu berkembang dan kini mengkanunkan di dalam peraturan mesyuaratnya berhubung perkataan yang tidak dibenarkan untuk diucapkan oleh ahli Parlimen di dalam Dewan. Definisi

5 New South Wales Legislative Council Practice (n 3) 299.

6 G. Hughes, *An Encyclopedia of Swearing: The Social History of Oaths, Profanity, Foul language, and ethnic slurs in the English-speaking world* (London, ME Sharpe, 2006) 477.

7 *ibid.*

8 *ibid.*

9 *ibid.*

bahasa kurang sopan secara asasnya terlalu luas untuk dibincangkan malahan amalannya berlainan dari satu Parlimen dengan satu Parlimen yang lain. Malah, penggunaan bahasa kurang sopan juga boleh berubah disebabkan tempat, budaya, masa dan individu. Justeru, penggunaan bahasa kurang sopan di dalam Parlimen terus berkembang sehingga hari ini.

Definisi bahasa kurang sopan di Parlimen

Pelbagai definisi dirujuk berhubung perbuatan kurang sopan di dalam Parlimen antaranya adalah tindakan ahli yang membayangkan peribadi seseorang dengan sesuatu yang lain sama ada dengan apa-apa perbandingan dengan niat yang tidak baik.¹⁰ Peraturan berhubung bahasa kurang sopan dan biadab bertujuan untuk mencegah penghinaan peribadi kepada seseorang ahli dan pada masa yang sama bertujuan untuk mengehadkan ahli untuk berucap di dalam Dewan Parlimen.¹¹ Selain itu, termasuk dalam bahasa kurang sopan adalah pernyataan seksis. Perkataan yang selalunya dianggap biasa boleh ditafsirkan sebagai seksis apabila diungkap berdasarkan aspek intonasi dan suasana perbincangan.

Bagi menentukan sama ada bahasa yang diungkap ahli Parlimen adalah kurang sopan atau tidak di Parlimen Australia, pemangku Timbalan Presiden *Senate*, Senator Wood pada tahun 1955 merujuk sepertimana berikut:

... dalam tafsiran saya berkenaan Peraturan Mesyuarat 418 [bersamaan dengan peraturan mesyuarat *House of Representatives* 90 yang berkaitan dengan Ahli], perkataan kurang sopan atau ofensif mestilah bersifat kurang sopan dalam pengertian sebenar perkataan tersebut. Apabila seseorang menceburi politik, serangan yang bersifat politik tidak dianggap kurang sopan. *Kurang sopan bererti serangan dalam bentuk peribadi. Pandangan ini juga terpakai kepada maksud 'motif yang tidak baik' dan 'serangan peribadi' sepertimana yang dijelaskan dalam peraturan mesyuarat.* Sekali lagi, apabila seseorang menceburi kehidupan awam dan menjadi seorang ahli Parlimen, dia mendedahkan dirinya kepada risiko dikritik dalam bentuk politik.¹²

10 M. Harris dan D. Wilson, *McGee Parliamentary Practice in New Zealand* (Auckland, Oratia Books, 2017) XXX.

11 *ibid.*

12 D.R. Elder, *House of Representatives Practice* (7th edn, Canberra, Department of the House of Representatives, 2018) 516 (penekanan dimasukkan).

Adalah menjadi tanggungjawab Speaker bagi menentukan sama ada kenyataan itu berbaur seksis atau tidak.¹³ Dakwaan bahawa seorang Menteri atau ahli lain tidak mengatakan sesuatu dengan benar atau menipu sama sekali juga merupakan manifestasi bahasa *unparliamentary language* di dalam Dewan dan amalan ini hampir diguna pakai di kebanyakan negara Komanwel.¹⁴ Sering kali juga ahli Parlimen memohon maaf atas penggunaan perkataan yang digunakan dengan menarik balik dan mengulanginya lagi sambil bersikap skeptikal.

Skop perbincangan penulisan ini hanya melihat peraturan penggunaan bahasa kurang sopan yang dikanunkan oleh Dewan Rakyat melalui Peraturan Mesyuarat 36(4) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang menyentuh dua aspek penting iaitu penggunaan bahasa kurang sopan (biadab) atau seksis di Parlimen. Pada peraturan lain disebutkan juga, seseorang ahli tidak dibenarkan menyebutkan nama ahli yang lain serta mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain yang juga boleh dianggap sebagai *unparliamentary language*.¹⁵ Oleh itu dapat disimpulkan, tingkah laku baik dan kesopanan yang tinggi adalah ciri perdebatan yang seharusnya diguna pakai ahli di dalam Parlimen.¹⁶ Namun, bahasa kurang sopan di dalam Parlimen boleh terjadi apabila berlakunya serangan dalam bentuk peribadi seorang ahli Parlimen kepada seorang ahli Parlimen yang lain sama ada melalui perbuatan atau melalui perkataan dengan bermotifkan tidak baik.

Bahasa kurang sopan di Parlimen United Kingdom

Parlimen di United Kingdom sebagai Parlimen tertua dan dikenali sebagai '*Mother of Parliament*' telah menggariskan beberapa aturan bagaimana perbahasan yang baik harus dijalankan. *Erskine May's Parliamentary Practice* yang pertama kali ditulis pada tahun 1844 telah mengekalkan perkataan yang ditulis oleh Sir Gilbert (yang kemudian dikenali dengan gelaran Lord Campion) di dalam edisi ke-14 pada tahun 1946:

Good temper and moderation are the characteristics of parliamentary language. Parliamentary language is never more desirable than when a

13 Lihat ucapan YB Dato Seri Mohamed Nazri Aziz, dalam DR Deb 27 Nov 2012, Bil. 68, 39.

14 N.W. Wilding dan P. Laundy, *An encyclopaedia of parliament* (New York, FA Praeger, 1968) 744.

15 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, PM 36(5) & 36(6).

16 Petua Speaker terhadap Point of Order dari Fiona Mactaggart dalam UK HC Deb 19 Jan 2012.

*Member is canvassing the opinions and conduct of their opponents in debate.*¹⁷

Perkataan ini telah diterjemahkan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Mulia semasa ucapan sulungnya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat selepas mengangkat sumpah pada 24 Jun 2013 sebagai,

Kesabaran dan kesederhanaan adalah ciri-ciri berbahas di Parlimen. Bahasa Parlimen adalah lebih menggamit apabila seseorang Ahli sewaktu berbahas dapat mempengaruhi pendapat dan pendirian pihak lawan.¹⁸

Hal ini selari dengan kebebasan bersuara yang dibenarkan di dalam Parlimen United Kingdom sepertimana diungkapkan oleh Speaker John Bercow pada 9 Mei 2012,

*Freedom of speech in debate is at the very heart of what we do here for our constituents, and it allows us to conduct our business without fear of outside interference. But it is a freedom that we need to exercise responsibly in the public interest and taking into account the interests of others outside this House. [...] We should ensure that every Member is heard courteously, regardless of the views that he or she is expressing. [...] Every member of the public has a right to expect that his or her Member of Parliament will behave with civility, in the best traditions of fairness, with the highest level of probity and with integrity.*¹⁹

Erskine May umumnya melarang perbahasan di dalam Parlimen berhubung dengan tingkah laku Raja sendiri, waris kepada Raja atau ahli-ahli Keluarga Diraja. Larangan untuk mengeluarkan bahasa kurang sopan dalam Parlimen juga terpakai kepada *Lord Chancellor*, *Governor General* wilayah bebas dan hakim Mahkamah tertinggi di United Kingdom. Selain itu, larangan ini juga terpakai kepada ahli kedua-dua Dewan di Parlimen dan khususnya ahli yang memegang jawatan di

17 D. Natzler dan M. Hutton, *Erskine May's Treatise on The Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (25th edn, Butterworths, Lexis Nexis, 2019) 495.

18 Lihat ucapan YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia selepas mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam DR Deb 24 Jun 2013, Bil. 1, 4.

19 Clerk of the House of Commons, *Use of Unparliamentary Language* (UK HC, 2012-2013, 19) <<https://publications.parliament.uk/pa/cm201213/cmselect/cmproced/writetv/language/p19.htm>> dicapai 15 Julai 2020.

dalam *House of Commons* seperti *Speaker*, *Chairman of Ways and Means* dan ahli-ahli lain di dalam Jawatankuasa Pengerusi (*Panel of Chairs*).²⁰ Larangan mengeluarkan bahasa kurang sopan juga terpakai di dalam kes ahli-ahli di luar daripada Dewan.

Selain itu, terdapat juga kuasa mendisiplinkan ahli-ahli diberikan kepada *Speaker* sepertimana dalam Peraturan Tetap 43 dan 44, Peraturan Tetap *House of Commons*, United Kingdom. *Speaker* atau Pengerusi boleh mengarahkan ahli yang berkelakuan tidak senonoh untuk segera keluar dari Dewan sepanjang hari tersebut dan bentara boleh bertindak atas arahan yang diterima daripada *Speaker*. Jika *Speaker* merasakan kuasa ini tidak mencukupi maka *Speaker* boleh menamakan ahli yang ingkar berdasarkan tatacara yang perlu diikuti di bawah Peraturan Tetap 44.²¹ Sekiranya ahli yang dinamakan *Speaker* atau Pengerusi tidak mengendahkan kuasa Pengerusi/*Speaker* atau berulang kali mengganggu perjalanan mesyuarat dengan melanggar peraturan mesyuarat maka *Speaker* boleh mengemukakan persoalan dan usul untuk menggantung ahli tersebut. Jika kesalahan dilakukan di dalam Jawatankuasa seluruh Dewan maka Pengerusi harus menggantung prosiding Jawatankuasa dan melaporkan kepada Dewan. *Speaker* juga boleh memohon usul dibawa ke hadapan bagi persoalan yang sama jika kesalahan telah dilakukan di dalam Dewan yang sama.²²

Peraturan Tetap 44(2) menyatakan bahawa jika berlaku penggantungan di bawah Peraturan Tetap 44(1) maka penggantungan buat kali pertama akan berjalan selama lima hari dan sekiranya ada, penggantungan buat kali kedua akan berjalan selama 20 hari. Penggantungan ini termasuk hari ahli digantung tetapi dalam keadaan tertentu sehingga Dewan memutuskan penggantungannya akan berakhir.²³ *Speaker* atau Pengerusi tidak boleh mengusulkan dengan 'menamakan' lebih daripada seorang ahli dalam satu masa yang sama kecuali dua atau lebih ahli melakukan kesalahan yang sama mengingkari perintah Pengerusi.²⁴

Selain itu, Parlimen United Kingdom telah mengkanunkan Kod Etika dan Tatacara kepada ahli Parlimennya melalui ketetapan dengan mewujudkan *House of Commons Code of Conduct* yang telah diluluskan

20 Lihat <<https://erskinemay.parliament.uk/section/4873/incidental-criticism-of-conduct-of-certain-persons-not-permitted/>> dicapai 11 Januari 2021.

21 Standing Orders House of Commons UK, SO 43 dan SO 44.

22 *ibid.* SO 44(1).

23 *ibid.* SO 44(2).

24 *ibid.* SO 44(3).

di dalam *House of Commons* pada 12 Mac 2012, 17 Mac 2015 dan 10 Oktober 2019.²⁵ Tujuan Kod Tatakelakuan ini adalah untuk membantu ahli Parlimen menunaikan tanggungjawab mereka kepada Parlimen, kawasan dan masyarakat. Secara amnya kod ini bertujuan untuk mewujudkan satu prinsip dan amalan yang seharusnya diguna pakai oleh setiap ahli Parlimen dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Antara prinsip penting bagi memastikan ahli Parlimen menggunakan bahasa yang sopan adalah:

Respect

18. *A Member must treat their staff and all those visiting or working for or with Parliament with dignity, courtesy and respect.*²⁶

Selain Petua Speaker dan Peraturan Mesyuarat di dalam *House of Commons, United Kingdom*, perbuatan menyinggung perasaan yang dilafazkan sama ada kepada Dewan atau kepada individu boleh juga dihukum dengan hukuman yang sewajarnya dan kadangkala sehingga dikenakan hukuman penjara. Hal ini boleh dilihat berasaskan prinsip institusi Parlimen juga mempunyai kuasa pemutus sebagai sebuah Mahkamah yang tersendiri.²⁷ Kuasa ini diberikan dengan tujuan untuk melindungi Dewan daripada perbuatan yang kurang sopan dan perbahasan yang boleh timbul disebabkan penggunaan perkataan yang menimbulkan sakit hati.

Bahasa kurang sopan di Parlimen Australia

Parlimen Australia melalui kedua-dua Peraturan-peraturan Tetap *House of Representatives* dan *Senate* mempunyai peruntukan khusus berkaitan bahasa kurang sopan di dalam Parlimen. Larangan untuk mengeluarkan bahasa kurang sopan dalam Parlimen dikhaskan terhadap mana-mana ahli Parlimen lain serta terhadap mana-mana ahli badan kehakiman (hakim). Peraturan Tetap *House of Representatives Australia* dengan jelas menyatakan berkenaan larangan ini:

25 *House of Commons Code of Conduct approved by the House of Commons* pada 12 Mac 2012, 17 Mac 2015 dan terkini 10 Oktober 2019. Lihat <<https://publications.parliament.uk/pa/cm201719/cmcode/1882/188201.htm>> dicapai 19 Januari 2021.

26 UK HC, *Code of Conduct* (2017-2019, 1474) para 9 & 18.

27 Lihat perenggan 11.23 dalam W. McKay dan lain-lain, *Erskine May Parliamentary Practice* (23rd edn, Butterworths, Lexis Nexis, 2004) 96.

89 *Offensive words*

A Member must not use offensive words against:

- (a) either House of the Parliament or a Member of the Parliament; or*
- (b) a member of the Judiciary.²⁸*

90 *Reflections on Members*

All imputations of improper motives to a Member and all personal reflections on other Members shall be considered highly disorderly.²⁹

Manakala Peraturan Tetap *Senate* juga memberi peruntukan berkenaan bahasa kurang sopan:

193 *Rules of debate*

- (3) A Senator shall not use offensive words against either House of Parliament or of a House of a state or territory parliament, or any member of such House, or against a judicial officer, and all imputations of improper motives and all personal reflections on those Houses, members or officers shall be considered highly disorderly.³⁰*

Beberapa kelakuan turut dikenal pasti sebagai tidak sopan dan tertakluk di bawah peraturan mesyuarat berkenaan kelakuan tidak sopan.³¹ Kelakuan yang ditakrifkan sebagai tidak sopan dikategorikan antaranya seperti mengganggu Dewan dengan sengaja dan tanpa henti, menggunakan perkataan yang boleh dibantah dan enggan ditarik balik, enggan mematuhi peraturan mesyuarat dengan sengaja dan tanpa henti, dengan sengaja tidak mematuhi perintah Dewan, tidak mempedulikan autoriti Speaker dengan sengaja dan tanpa henti, serta dianggap sebagai telah berkelakuan tidak sopan oleh Speaker.³² Selain itu, beberapa kelakuan lain turut diputuskan sebagai tidak sopan seperti menuduh seorang ahli Parlimen sebagai kurang siuman atau tidak serius, mengajuk suara atau perbuatan seorang ahli, dan menutur perkataan yang merujuk kepada ciri fizikal seorang ahli.³³ Walau bagaimanapun, penuturan bahasa kurang sopan terhadap mana-mana ahli Parlimen

28 Australian House of Representatives (HoR) Standing Orders, SO 89.

29 *ibid.* SO 90.

30 *ibid.* SO 193.

31 *ibid.* SO 94 dan Australian Senate Standing Orders, SO 203.

32 Australian House of Representatives (HoR) Standing Orders, SO 91 dan Australian Senate Standing Orders, SO 203.

33 Elder (n 12).

dan sebarang tuduhan dengan motif yang tidak baik serta serangan peribadi terhadap mana-mana ahli Parlimen adalah termasuk di bawah kelakuan tidak sopan yang dilarang di dalam Parlimen.

Amalan di Parlimen Australia juga merujuk kepada pendekatan yang digunakan di *House of Commons UK* dalam mengelaskan ungkapan kurang sopan seperti berikut:

- tuduhan dengan motif palsu dan tersembunyi,
- gambaran yang salah terhadap pernyataan ahli lain dan tuduhan membuat gambaran yang salah,
- tuduhan menuturkan perkara palsu yang disengajakan,
- bahasa yang kesat dan menghina yang boleh menimbulkan keadaan tidak terkawal.³⁴

Penentuan sesuatu perkataan yang diungkapkan oleh seseorang Ahli Parlimen sebagai bahasa kurang sopan yang tertakluk di bawah Peraturan Tetap adalah diputuskan oleh Speaker/Pengerusi Mesyuarat. Pertimbangan yang dilakukan oleh Speaker dibuat berdasarkan sifat serta konteks perkataan yang diungkapkan.³⁵ Adalah menjadi tanggungjawab Speaker untuk mencelah sekiranya didapati sesuatu bahasa kurang sopan telah diungkapkan sama ada terhadap Parlimen atau mana-mana ahli Parlimen dan juga menjadi tanggungjawab Speaker untuk menentukan kelakuan seseorang ahli Parlimen sebagai tidak sopan atau tidak senonoh apabila ada ahli Parlimen menarik perhatian Speaker terhadap kelakuan berkenaan.³⁶ Bahasa yang tidak sesuai dan *unparliamentary* juga boleh berlaku apabila ahli mengungkapkan perkataan yang diungkapkan oleh ahli Parlimen lain. Ini bermaksud memetik ungkapan ahli Parlimen lain juga menyebabkan seorang ahli berkenaan sendiri dianggap mengeluarkan perkataan yang kurang sopan.³⁷ Larangan memetik ungkapan ahli lain dijelaskan dalam contoh berikut,

34 M. Jack, *Erskine May Parliamentary Practice* (24th edn, Butterworths, Lexis Nexis, 2011).

35 Elder (n 12) 514.

36 Australian House of Representatives (HoR) Standing Orders, SO 92.

37 Australian HoR Deb 5 Mei 1978, 1894-1895 <https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/download/hansard80/hansardr80/1978-05-05/toc_pdf/19780505_reps_31_hor109.pdf;fileType=application%2Fpdf#search=%22hansard80/hansardr80/1978-05-05/0083%22> dicapai 1 September 2020.

Senator Bob Brown: ... This is the new leader of the coalition, who is reported to have said that 'climate change is crap', if you will excuse me, Temporary Chair.

*The TEMPORARY CHAIRMAN (Senator Troeth): I think that is unparliamentary, Senator Brown. I **would ask you to withdraw** that.*

Senator Bob Brown: It is a quote that the Leader of the Opposition is said to have made and in which he said he was using hyperbole.

The TEMPORARY CHAIRMAN (Senator Troeth): Quoting something still does not make it parliamentary.

*Senator Bob Brown: Then **I withdraw**.*³⁸

Dalam menentukan sesuatu bahasa kurang sopan, penjelasan yang diberikan pemangku Timbalan Presiden *Senate*, Senator Wood pada tahun 1955 cuba membuat suatu garis pemisah antara kritikan yang bersifat politik dengan bahasa kurang sopan,

... dalam tafsiran saya berkenaan Peraturan Mesyuarat 418 [bersamaan dengan peraturan mesyuarat *House of Representatives* 90 yang berkaitan dengan Ahli], perkataan kurang sopan atau ofensif mestilah bersifat kurang sopan dalam pengertian sebenar perkataan tersebut. Apabila seseorang menceburi politik, serangan yang bersifat politik tidak dianggap kurang sopan. Kurang sopan bererti serangan dalam bentuk peribadi. Pandangan ini juga terpakai kepada maksud 'motif yang tidak baik' dan 'serangan peribadi' sepertimana yang dijelaskan dalam peraturan mesyuarat. Sekali lagi, apabila seseorang menceburi kehidupan awam dan menjadi seorang ahli Parlimen, dia mendedahkan dirinya kepada risiko dikritik dalam bentuk politik.³⁹

Ketentuan Speaker terhadap bahasa kurang sopan juga melibatkan perkataan yang dianggap tidak dapat diterima dalam perbahasan walaupun ia tidak ditujukan terhadap mana-mana institusi yang dilindungi atau penjawat yang disenaraikan dalam peraturan mesyuarat.⁴⁰ Dalam perkara ini, Presiden *Senate*, Senator John Hogg

38 Australian Senate Deb 30 Nov 2009, 9435 <https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/download/chamber/hansards/2009-11-30/toc_pdf/7320-5.pdf;fileType=application%2Fpdf#search=%22chamber/hansards/2009-11-30/0610%22> dicapai 1 September 2020.

39 Elder (n 12) 516.

40 J.R. Odgers, *Odgers' Australian Senate Practice* (Canberra, Australian Government Publishing Service for Department of the Senate, 1997) <https://www.aph.gov.au/About_Parliament/Senate/Powers_practice_n_procedures/Odgers_Australian_Senate_Practice/Chapter_10#footnote-102-backlink> dicapai 26 Ogos 2020.

menjelaskan bahasa *unparliamentary* digunakan secara umumnya merujuk kepada ungkapan yang dinyatakan di sebaliknya terhadap pelbagai larangan dalam Peraturan Tetap 193,

Aturan! Awal hari ini, Senator Forshaw berjanji untuk merujuk kepada Petua saya bahawa Senator Schacht patut menarik balik bahasa tidak sesuai yang diungkapkannya. Adalah menjadi kewajiban bagi Pengerusi untuk mengarahkan sebarang bahasa tidak sesuai seperti perkataan kesat ditarik balik walaupun ia bukan bahasa ofensif terhadap mana-mana penjawat yang dilindungi di bawah Peraturan Tetap 193. Senator Forshaw juga merujuk kepada saya sama ada ia perlu dikeluarkan daripada hansard. Walau bagaimanapun, oleh kerana prosiding Senate adalah bersifat awam, Pengerusi berpendapat bahawa mengeluarkan daripada hansard adalah tidak sesuai. Saya ingin meminta Senator untuk menghormati kemuliaan perbincangan dan meminta agar tidak menggunakan bahasa yang tidak sesuai.⁴¹

Skop bahasa kurang sopan juga tidak terhad kepada makna perkataan yang kesat semata-mata, tetapi diluaskan lagi kepada menuduh seorang ahli Parlimen sebagai menipu dan sengaja mengelirukan Dewan dan perbuatan ini dianggap sebagai suatu pertuduhan dengan motif tidak baik. Pertuduhan sengaja mengelirukan Dewan merupakan suatu perkara yang hanya boleh dibawa melalui suatu usul substantif kerana kesalahan mengelirukan Dewan adalah besar dan dianggap sebagai menghina Parlimen.⁴² Skop bahasa kurang sopan yang diungkapkan juga dihadkan kepada perkataan yang ditunjukkan secara jelas kepada seorang ahli Parlimen. Peraturan bahasa ofensif atau kurang sopan tidak dapat digunakan sekiranya ditunjukkan kepada sekumpulan ahli Parlimen yang tidak dapat dikenal pasti secara individu. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna sebarang pertuduhan ofensif terhadap ahli Parlimen secara kolektif tidak mempunyai sebarang aturan di dalam Parlimen. Pengecualian diberi kepada pertuduhan yang melibatkan hasutan, pengkhianatan, korupsi atau ketidakjujuran secara sengaja.⁴³ Speaker

41 Australian Senate Deb 15 Mei 2002, 1631 <<https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/search/display/display.w3p;db=CHAMBER;id=chamber%2Fhansards%2F2002-05-15%2F0144;query=Id%3A%22chamber%2Fhansards%2F2002-05-15%2F0146%22>> dicapai 1 September 2020.

42 Australian HoR Deb 19 Jun 2003, 17045-6 <https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/download/chamber/hansardr/2003-06-19/toc_pdf/2595-2.pdf;fileType=application%2Fpdf#search=%22chamber/hansardr/2003-06-19/0137%22> dicapai 27 Ogos 2020.

43 Elder (n 12) 517.

Billy Snedden kemudiannya turut menggunakan petua ini ketika membuat ketetapan supaya perkataan 'sekumpulan pengkhianat' ditarik balik,

Pada masa lepas terdapat petua yang menyatakan adalah *unparliamentary* untuk membuat tuduhan terhadap suatu kumpulan sebagai berbeza daripada seorang individu. Namun, petua tersebut tidak akan saya gunakan lagi. Pada pendapat saya, sekiranya suatu pertuduhan dibuat terhadap mana-mana ahli Parlimen dianggap sebagai *unparliamentary* dan kurang sopan, maka demi menjaga kepentingan Dewan yang mulia ini, pertuduhan dan bahasa yang sama juga tidak boleh digunakan terhadap semua ahli Parlimen. Sekiranya tidak, adalah perlu bagi setiap ahli yang dituduh itu secara individu untuk bangun dan melepaskan dirinya daripada tuduhan berkenaan.... Saya meminta semua ahli yang berhormat untuk berhenti menggunakan ungkapan yang *unparliamentary* terhadap suatu kumpulan atau kepada semua ahli Parlimen, yang merupakan bahasa *unparliamentary* sekiranya ditujukan kepada ahli Parlimen secara individu.⁴⁴

Apabila sesuatu ungkapan kurang sopan dan dianggap *unparliamentary* dituturkan dalam Parlimen, ahli Parlimen yang menuturkan ungkapan berkenaan dikehendaki menarik balik (*withdraw*) perkataan berkenaan. Sekiranya ahli Parlimen yang menutur perkataan berkenaan tidak menarik balik perkataan tersebut, Speaker boleh mengarahkan ahli Parlimen berkenaan untuk berbuat seperti yang diarahkan. Dalam kebanyakan situasi, ahli Parlimen yang diarahkan untuk menarik balik perkataan *unparliamentary* berkenaan akan akur dengan arahan Speaker sebagaimana digambarkan dalam contoh berikut:

Mr Gosling: What an idiot!

The DEPUTY SPEAKER: The Member for Solomon will withdraw that unparliamentary comment.

*Mr Gosling: I withdraw.*⁴⁵

Kekerapan insiden bahasa kurang sopan dan *unparliamentary* diungkapkan di Australia digambarkan dalam satu proses carian

44 *ibid.*

45 Australian HoR Deb 4 Mac 2020 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/ad5ca6c0-b47f-4462-b26c-d5271c755f99/&sid=0125> dicapai 1 September 2020.

perkataan melalui transkrip digital atau hansard Parlimen. Dalam suatu carian perkataan ‘*Mr Speaker I withdraw*’ atau ‘*I withdraw Mr Speaker*’ melalui hansard Parlimen negeri Queensland bagi tempoh 1997-2010, sebanyak 554 hasil ditemui. Manakala carian di *House of Representatives* bagi tempoh yang sama pula menemui 151 hasil carian.⁴⁶ Tuduhan terhadap Speaker juga merupakan suatu tindakan kurang sopan dan ahli Parlimen yang membuat pertuduhan berkenaan dikehendaki menarik balik pertuduhan tersebut,

Ms Plibersek: Most biased Speaker ever!

*The SPEAKER: The Member for Sydney is reflecting on the chair and **will withdraw.***

Mr Pyne: You are appalling.

*Ms Plibersek: **I withdraw.***

Mr Pyne: You are a real piece of work.

*The SPEAKER: The Leader of the House **will also withdraw.***

*Mr Pyne: Madam Speaker, the campaign continues from the opposition; but, if it assists the House, **I withdraw.***

The SPEAKER: At every moment there was nothing but disrespect and there was nothing but noise – and a wall of noise. It was quite deliberately done.⁴⁷

Walau bagaimanapun, terdapat juga insiden yang memerlukan Peraturan Tetap 94(a)⁴⁸ digunakan oleh Speaker apabila seseorang ahli Parlimen menarik balik perkataan kurang sopan namun terus mengganggu Dewan. Peraturan mesyuarat ini dianggap sebagai pendekatan yang berkesan dalam menjaga aturan dalam Dewan serta kurang mengganggu aturan perjalanan Dewan. Sebanyak 260 insiden direkodkan di bawah peraturan mesyuarat ini dalam tempoh Parlimen ke-45 (2016-2019) dengan purata

46 C. Salisbury, ‘Mr Speaker, I withdraw...’: standards of (mis) behaviour in the Queensland, Western Australian and Commonwealth parliaments compared via online Hansard’ (2011) 1 *Australasian Parliamentary Review* 26, 170-1.

47 Australian HoR Deb 27 Nov 2014 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/07c1718f-8e51-4958-9cc9-f8492bfb5c93/&sid=0143> dicapai 24 Ogos 2020.

48 94(a) *The Speaker can direct a disorderly Member to leave the Chamber for one hour. The direction shall not be open to debate or dissent, and if the Member does not leave the Chamber immediately, the Speaker can name the Member under the following (94(b)) procedure.*

tiga insiden bagi setiap hari persidangan.⁴⁹ Contoh penggunaan peraturan mesyuarat ini adalah seperti berikut,

Mr Rob Mitchell: You are a full of crap!

*The SPEAKER: The Prime Minister will resume his seat. The member for McEwen **will withdraw** that remark.*

*Mr Rob Mitchell: **I withdraw.***

The SPEAKER: And he will now withdraw from the chamber.

Mr Rob Mitchell interjecting –

The SPEAKER: Member for McEwen, you'd better be very careful what you say. You know the rules very well.

The member for McEwen then left the chamber.⁵⁰

Apabila arahan Speaker kepada ahli Parlimen untuk meninggalkan Dewan menurut Peraturan Tetap 94(a) tidak berkesan, Speaker boleh menamakan dan menggantung ahli Parlimen di bawah Peraturan Tetap 94(b),

Mr Husic interjecting –

The SPEAKER: The member for Chifley is anxious to leave and get an early plane, is he?

Mr Husic interjecting –

The SPEAKER: The choice is yours. You can leave now.

Mr Husic: Can I? Thank you! Better than hearing another Truss answer.

*The SPEAKER: The member **will withdraw** –*

*Mr Husic: Of course **I withdraw.***

The SPEAKER: and leave quickly under 94(a).

Mr Husic: I'll be quicker than Warren's answer.

*The SPEAKER: I think the **member is named.***

49 Australian HoR Deb 5 Dis 2017 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/32a123fb-7b68-4315-aa37-273ae7bed1ad&sid=0115> dicapai 1 September 2020.

50 Australian HoR Deb 7 Sep 2017 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/951d369a-2fe5-4c5a-b7b6-f3bbf485cb15&sid=0097> dicapai 24 Ogos 2020.

Mr Pyne: I move: That the member for Chifley be suspended from the service of the House.

The SPEAKER: The question is that the motion be agreed to.

DIVISION: AYES 84 (35 majority) NOES 49 PAIRS 0⁵¹

Sebanyak 457 insiden ungkapan bahasa kurang sopan, ofensif dan *unparliamentary* telah direkodkan dalam *House of Representatives Australia* bagi tempoh 2009-2020.⁵² Senarai bahasa kurang sopan ini adalah luas dan mencakupi pelbagai petua Speaker dalam menentukan bahasa kurang sopan dalam Parlimen. Terdapat perkataan kurang sopan yang benar-benar bersifat kesat secara langsung, terdapat juga yang bersifat tidak langsung dan terdapat juga pertuduhan-pertuduhan yang boleh dianggap sebagai mempunyai ambang bahasa kurang sopan yang agak rendah. Namun, semua ini telah dikelaskan sebagai bahasa kurang sopan dalam Parlimen dan secara umumnya bertujuan untuk mengawal tingkah laku dan pertuturan ahli Parlimen di dalam Parlimen.

Pengawasan kebebasan bersuara ahli Parlimen dan kebebasan Parlimen

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan

Hak bersuara ahli Parlimen dan keistimewaan Parlimen di Malaysia didasari Perkara 10 dan Perkara 63, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 10(1), Perlembagaan Persekutuan secara terang menyatakan bahawa setiap warganegara mempunyai hak untuk bersuara. Manakala, di bawah Perkara 63, Perlembagaan Persekutuan menyebutkan 'Kesahan apa-apa prosiding di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen atau dalam mana-mana jawatankuasanya tidak boleh dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah'. Perkara 10 dan Perkara 63, Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan bersuara ahli Parlimen dan institusi Parlimen namun kebebasan ini juga terhad dan harus dikawal dengan kaedah yang sewajarnya antara lain menggunakan peraturan dalaman seperti Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan

51 Australian HoR Deb 17 Jul 2014 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/9c18a223-4397-465e-bb44-fddd3cf2/&sid=0115> dicapai 1 September 2020.

52 Consolidated List of Unparliamentary Expressions – 2009-2020 House of Representatives. (Canberra, Department of the House of Representatives, tidak diterbitkan).

Negara. Walaupun secara asasnya kebanyakan ahli Parlimen bercakap menggunakan bahasa yang sopan namun terdapat juga segelintir ahli Parlimen yang menggunakan sindiran, membuat tohmahan kepada ahli-ahli lain, menggunakan perkataan yang menyakitkan hati kepada ahli lain, menghina yang kesemuanya adalah bersifat *unparliamentary* atau dikategorikan juga sebagai bahasa kurang sopan.⁵³

Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952

Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 memperuntukkan kuasa dan keistimewaan Parlimen serta kebebasan bercakap dan berbahas di dalam Parlimen. Seksyen 3 Akta ini memperuntukkan kebebasan ini tidak boleh dicabar atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah atau tribunal di luar Majlis. Selain itu, Akta ini turut memberi kuasa tertentu kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk mengawal bukan sahaja ahli Parlimen tetapi juga orang lain yang terlibat dalam apa-apa prosiding Dewan. Peruntukan penting dalam Akta ini juga adalah berhubung dengan kuasa menyiasat dan mengenakan hukuman bagi penghinaan terhadap Dewan dan jawatankuasa-jawatankuasanya.

Seksyen 9 Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 pula memberi kuasa kepada Parlimen untuk menghukum atas kesalahan menghina Parlimen. Antara hukuman yang dibenarkan adalah menghukum secara terus kerana menghina dengan dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 dan jika apa-apa denda yang dikenakan itu tidak dibayar dengan serta-merta pesalah itu boleh diletakkan dalam jagaan penjaga mana-mana penjara.⁵⁴ Akta ini masih belum diguna pakai sehingga hari ini untuk menjatuhkan hukuman ke atas ahli Parlimen disebabkan penggunaan bahasa kurang sopan di dalam Dewan. Namun, antara kesalahan yang relevan berhubung kait dengan bahasa kurang sopan yang boleh dihukum di bawah Akta ini adalah:

- a) gagal atau enggan dengan sengaja mematuhi perintah Majlis yang boleh menyebabkan Majlis mungkin tergendala;⁵⁵
- b) menyerang, menghalang atau mencela ahli Parlimen lain di dalam Majlis;⁵⁶

53 Abdullah (n 4) 67.

54 Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, s 9.

55 *ibid.* s 9(c).

56 *ibid.* s 9(e).

- c) mencabar seseorang ahli untuk berlawan kerana kelakuannya di dalam majlis;⁵⁷
- d) membuat kekacauan di dalam Majlis menyebabkan prosiding Majlis terganggu;⁵⁸
- e) menyiarkan fitnah palsu atau skandal terhadap ahli Parlimen dengan menyentuh kelakuan mereka sebagai ahli.⁵⁹

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat

Perkara 62, Perlembagaan Persekutuan memberikan Dewan Negara dan Dewan Rakyat kuasa untuk mengawal selia tatacaranya sendiri. Dengan punca kuasa di bawah Perkara 62, Perlembagaan Persekutuan maka wujud Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara.⁶⁰ Selain Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Perlembagaan atau Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri juga memperuntukkan kuasa yang sama kepada Dewan-dewan Undangan Negeri. Dengan kuasa sedemikian, maka Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri boleh membuat peraturan mesyuarat masing-masing bagi mengawal selia tatacara dan urusan Dewan masing-masing. Tatacara Parlimen dan peraturan Majlis Mesyuarat Parlimen sepertimana yang dijelaskan di dalam *Erskine May* boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama, bentuk tatacara yang digunakan di dalam Dewan. Kedua, susunan pengarah dan penurunan kuasa dan ketiga, peraturan yang mengawal perjalanan bentuk dan susunan (*machinery*).⁶¹

Oleh itu kewujudan Peraturan Mesyuarat di dalam Majlis Parlimen menyebutkan dengan terang dan jelas, syarat-syarat bagi perbahasan yang mengawal kandungan perbahasan dan tatacara berbahas. Contohnya, di dalam Peraturan Mesyuarat 23(1)(c) menyatakan apabila seseorang ahli ingin memberikan soalan, pertanyaan ahli tersebut tidak boleh mengandungi sebarang hujah, sangkaan, tohmahan, puji atau keji atau mengandungi perkataan yang boleh mengelirukan, menyindir

57 *ibid.* s 9(g).

58 *ibid.* s 9(h).

59 *ibid.* s 9(l).

60 Perlembagaan Persekutuan, per 62(1).

61 L.K. Hock, 'Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dan Implikasinya', (Seminar Sistem Berparlimen di Terengganu, Kuala Terengganu, 1993).

atau menyakitkan hati ataupun mengenai sebarang perkara dangkal atau meminta penerangan mengenai sesuatu perkara remeh. Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan sifat atau kelakuan sesiapa melainkan sifat dan kelakuannya dalam menjalankan urusan jawatannya sahaja.⁶²

Sekiranya seseorang ahli mengeluarkan sangkaan jahat ke atas ahli lain maka adalah penting untuk perkataannya dibuktikan dengan fakta. Ini kerana peraturan mesyuarat menyatakan seseorang ahli itu adalah bertanggungjawab untuk memastikan apa yang beliau katakan di Dewan adalah berasaskan fakta. Peraturan Mesyuarat 35(1) menyebutkan ahli yang hendak bercakap dikehendaki bangun di tempatnya dan setelah dipanggil namanya oleh Pengerusi maka barulah ahli tersebut berdiri dan mula berbahas dengan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang ahli tidak boleh memulakan ucapannya atau berucap melainkan setelah diberikan keizinan oleh Pengerusi.

Peraturan Mesyuarat 35(2) menyebutkan sekiranya terdapat dua atau lebih ahli bangun serentak maka Pengerusi hendaklah memanggil ahli yang dahulu sekali terpandang olehnya. Manakala Peraturan Mesyuarat 35(6) membenarkan Yang di-Pertua atau Pengerusi mengehendkan masa bagi ahli Parlimen berucap sekiranya menghadapi kekangan masa jika perlu. Peraturan Mesyuarat 36 adalah merujuk kepada isi-isi ucapan di dalam Dewan Rakyat. Peraturan Mesyuarat ini mengandungi 12 perenggan kecil yang antara lain menyebutkan jika ahli Parlimen membahaskan rang undang-undang:

- (1) Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan Rang Undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk.
- (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu.
- (3) Adalah salah pada peraturan mesyuarat jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam penggal Majlis yang ada sekarang, kecuali

62 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PM 23(1)(c).

dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

- (4) Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan (biadab) atau membuat pernyataan seksis.
- (5) Seseorang ahli tidak dibenar menyebutkan nama ahli yang lain.
- (6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.
- (7) Nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Majlis Mesyuarat.
- (8) Kelakuan atau sifat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan raya atau siapa-siapa jua Ketua Negara negeri-negeri yang bersahabat dengan Malaysia, tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu.

Peraturan Mesyuarat 36 tidak menjelaskan sama ada kandungan ini hanya mengawal percakapan lisan semata-mata atau *unparliamentary language* boleh berlaku dalam bentuk perbuatan. Peraturan Mesyuarat 36(4) hanya menjelaskan kesalahan bagi ahli Parlimen yang menggunakan bahasa kurang sopan (biadab) atau membuat pernyataan seksis. Walaupun Peraturan Mesyuarat 36(4) kebiasaannya merujuk kepada bahasa yang dituturkan namun kadangkala peruntukan ini turut diguna pakai bagi merujuk tingkah laku perbuatan. Hal ini signifikan apabila Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong dan beberapa ahli Parlimen lain telah mengusulkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk merujuk Yang Berhormat Puncak Borneo kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan setelah didakwa menunjukkan isyarat lucah semasa sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 1

Disember 2020.⁶³ Justeru, Peraturan Mesyuarat 36(4) telah digunakan bagi merujuk ahli Parlimen Puncak Borneo atas tindakan menunjukkan isyarat lucah sebagai bahasa kurang sopan di dalam Parlimen.

Hakikatnya, peruntukan bahasa kurang sopan wujud sama ada di Parlimen United Kingdom, Parlimen Australia malahan di Parlimen Malaysia. Bahkan termasuk dalam bahasa kurang sopan di Parlimen Malaysia apabila menyentuh nama, kelakuan atau sifat penjawat-penjawat tertentu di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, Raja-raja Melayu, Hakim, serta ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Jawatan Kerajaan sepertimana Peraturan Mesyuarat 36(7) dan 36(8). Memandangkan Malaysia mengamalkan sistem Persekutuan, maka larangan penggunaan bahasa kurang sopan turut diperluaskan kepada Ketua-ketua Negeri dan sebagainya.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 36(4) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat

Pada 27 November 2012, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat telah mencadangkan untuk meminda Peraturan Mesyuarat 36(4) dengan memasukkan selepas perkataan 'biadab' melarang ahli Parlimen 'membuat pernyataan yang seksis'. Pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan secara khusus bahawa seseorang ahli juga dilarang daripada mengeluarkan apa-apa pernyataan yang berbentuk seksis khususnya semasa perbahasan. Insiden penggunaan bahasa kurang sopan yang bersifat seksis oleh Ahli Parlimen Kinabatangan terhadap Ahli Parlimen Batu Gajah pada tahun 2007 dianggap sebagai klimaks kepada pelanggaran peraturan berkenaan bahasa kurang sopan. Sebelum itu, terdapat beberapa insiden lain antaranya melibatkan Ahli Parlimen Jerai (1995), Sri Gading (2000), Kinabatangan (2001), Timbalan Menteri Kesihatan (2004), Jerai (2005), Tangga Batu (2005), Pendang (2005), Kubang Kerian (2005), Rantau Panjang (2006).⁶⁴ Penggunaan perkataan seksis masih terus diungkapkan walaupun selepas dimasukkan pindaan

63 Lihat perenggan 76, Aturan Urusan Mesyuarat DR 17 Disember 2020, 22. Usul Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] yang merujuk Peraturan Mesyuarat 36(4) dan 41(a) untuk merujuk Ahli Parlimen Puncak Borneo kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

64 A. Zamhari, 'Senarai penggunaan perkataan seksis di dalam Parlimen Malaysia' (*Malaysiakini*, 17 May 2007) <<http://www.malaysiafrance.com/2007/05/sexist-remarks-uttered-in-parliament.html>> dicapai 11 Januari 2021.

terhadap Peraturan Mesyuarat 36(4) pada tahun 2012.⁶⁵ Terkini adalah apabila Ahli Parlimen Baling menyebutkan perkataan kurang sopan seperti 'gelap tidak nampak' dan 'pakailah bedak' kepada Ahli Parlimen Batu Kawan.⁶⁶ Oleh itu, perkataan yang bersifat seksis juga telah turut sama dikategorikan sebagai perkataan kurang sopan di dalam Parlimen.

Kuasa Yang di-Pertua untuk mentafsir Peraturan Mesyuarat dan mendisiplinkan ahli Parlimen

Setiap Speaker sama ada di Dewan Negara, Dewan Rakyat mahupun di Dewan-dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa menjaga disiplin dalam mesyuarat Dewan untuk memastikan persidangan Dewan berjalan dengan tenteram dan sempurna sepertimana tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dalam masa yang ditetapkan.⁶⁷ Kuasa disiplin ini perlu untuk menghalang tindakan yang bersifat lucah, biadab, dan menghina kemuliaan oleh sesiapa sahaja kepada institusi Parlimen. Menurut Peraturan Mesyuarat 41(e), apabila seorang ahli Parlimen sedang berucap, ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab. Tetapi apabila terdapat Ahli yang menyalahi peraturan mesyuarat maka ahli lain boleh bangun mencelah Ahli yang sedang berucap dan meminta perhatian Speaker berhubung kesalahan yang menyalahi Peraturan Mesyuarat.

Kebiasaannya Ahli Parlimen lain akan bangun dengan menyebutkan '*Point of Order*' dan memetik di bawah Peraturan Mesyuarat tertentu yang dirujuk.⁶⁸ Hal ini penting kerana kesalahan yang berlaku harus dicelah semasa kesalahan tersebut berlaku. Amalan ini sama sepertimana *House of Representatives, Australia*.⁶⁹ Ahli Parlimen lain akan memohon pertimbangan Speaker untuk satu keputusan atau Petua Speaker berhubung kesalahan yang dilakukan. Speaker di bawah kuasa budi

65 DR Deb 9 Apr 2015, Bil. 20, 112-6.

66 Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam DR Deb 14 Jul 2020, Bil. 3, 1. Perbincangan lanjut perkataan seksis boleh dirujuk dalam M. Balakrishnan, 'Parliamentary Questions and Debates' dalam M.A.M. Yusof dan lain-lain (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Sweet & Maxwell, 2020) 305-6.

67 M.Z. Ismail, 'Penggantungan Ahli Dari Dewan' (Persidangan Speaker-speaker Dewan Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia kali ke-32, Subang Jaya, 2003).

68 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PM 37(1)(a).

69 Elder (n 12) 515.

bicaranya berhak untuk masuk campur dan menentukan sama ada sesuatu perkataan boleh dianggap sebagai kurang sopan atau *unparliamentary*. Kebiasaannya, penentuan Speaker bergantung kepada sifat perkataan dan konteks bagaimana perkataan itu digunakan.⁷⁰

Peraturan Mesyuarat 42 membolehkan seseorang ahli Parlimen ditegur oleh Speaker mengenai suatu peraturan mesyuarat. Ahli yang sedang bercakap 'hendaklah duduk dan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa hendaklah diam supaya Speaker boleh didengar dengan tidak terganggu'. Speaker akan mendapatkan penjelasan daripada ahli yang mengeluarkan perkataan kurang sopan itu untuk menerangkan penggunaan atau maksud perkataan yang dikeluarkan.⁷¹ Sekiranya perkataan kurang sopan diungkapkan ahli Parlimen maka Speaker atau Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat mempunyai kuasa untuk mengarahkan perkataan berkenaan ditarik balik dengan kadar segera.⁷² Ahli-ahli Parlimen lain akan mendesak supaya permohonan maaf dilakukan selepas itu dan dalam banyak keadaan, Speaker akan mengarahkan permohonan maaf dilakukan atas perkataan bahasa kurang sopan yang dikeluarkan. Hal yang sama juga berlaku di *House of Representatives, Australia* apabila perkataan kurang sopan akan diarahkan ditarik balik oleh Speaker. Namun, perkataan kurang sopan yang ditarik balik tidak diikuti dengan permohonan maaf memandangkan secara tidak langsung penarikan balik penggunaan perkataan itu telah menandakan permohonan maaf kecuali Speaker mengarahkannya secara spesifik.⁷³

Pada sesetengah keadaan, kadangkala Speaker akan mendiamkan diri terhadap perkataan yang didengarnya agar perbahasan dapat diteruskan tanpa gangguan.⁷⁴ Hal ini dapat dilihat semasa pemilihan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang baharu pada 13 Julai 2020, terdapat 16 perkataan yang seharusnya bersifat *unparliamentary* seperti 'speaker bodoh', 'mabuk', 'Carlsberg', 'cucu', 'atuk', 'tidak siuman', 'barua' dan lain-lain lagi telah diucapkan oleh ahli Parlimen sama ada penyokong

70 *ibid.* 514.

71 Antara contoh adalah apabila Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato Seri Azalina Othman Said meminta YB Ahli Parlimen Bintulu memberikan penjelasan berhubung kenyataan beliau terhadap Ketua Pengarah Kesihatan. DR Deb 11 Nov 2020, Bil. 34, 85.

72 DR Deb 6 Nov 2008, Bil. 57. Rujukan lanjut di dalam M.A.M. Yusof dan lain-lain (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Sweet & Maxwell, 2020) 189-90.

73 Elder (n 12) 514.

74 Blackburn dan lain-lain (n 2) 6-089.

kerajaan atau pembangkang di dalam Dewan Rakyat tanpa teguran daripada Pengerusi.⁷⁵ Adalah tidak wajar bagi seseorang ahli Parlimen memberikan komen peribadi terhadap ahli lain. Sebarang penggunaan bahasa kasar atau bahasa menghina yang digunakan di dalam perbahasan juga harus ditarik balik dengan segera.⁷⁶

Selain itu, bukan semua perkataan yang dianggap kurang sopan boleh dianggap *unparliamentary language* kerana Speaker memainkan peranan penting mengawal penggunaan bahasa kurang sopan di dalam Parlimen. Contohnya, pada 7 Oktober hingga 5 Disember 2019, perkataan bodoh digunakan hampir 140 kali. Namun, ia digunakan dalam pelbagai bentuk seperti apabila ahli Parlimen mengingatkan kerajaan bahawa pengundi tidak bodoh atau Speaker mengingatkan supaya ahli-ahli Parlimen tidak menggunakan perkataan bodoh. Pada masa yang sama, perkataan bodoh juga digunakan ahli Parlimen bagi menghina lawan mereka.⁷⁷

Terdapat dua keadaan di dalam *House of Commons*, United Kingdom bagi seseorang Ahli boleh digantung keahliannya. Pertama, sekiranya berkelakuan tidak sopan di dalam Dewan. Kedua, apabila Ahli didapati telah tidak mematuhi Kod Etika sebagai Ahli Parlimen atau telah melakukan penghinaan kepada Dewan.⁷⁸ Amalan di Parlimen Malaysia adalah dengan memerintahkan ahli untuk keluar atau digantung keahliannya dalam Dewan sekiranya ahli berkelakuan tidak sopan atau mengganggu perjalanan mesyuarat.⁷⁹ Tanggungjawab Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat adalah untuk memastikan peraturan berbahas digunakan di dalam Dewan serta mengawal tingkah laku ahli, sama ada terhadap ahli lain atau kepada institusi Parlimen sendiri. Kuasa disiplin Pengerusi bertujuan untuk memastikan perbahasan sangat berfokus dan relevan. Kuasa disiplin Pengerusi juga untuk mengarahkan mana-mana ahli meninggalkan Dewan apabila gagal bertindak dengan

75 DR Deb 13 Jul 2020, Bil. 2.

76 Rules of behaviours and courtesies in the House of Commons Issued by the Speaker and the Deputy Speakers, House of Commons, November 2018, 8.

77 R. Ahmad dan lain-lain, 'How effective was your MP in Parliament? Find out here' *The Star* (Kuala Lumpur, 11 Jan 2020) <<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/01/11/how-effective-was-your-mp-in-parliament-find-out-here>> dicapai 11 Januari 2021.

78 O. Gay, 'House of Commons Background Paper: Disciplinary and Penal Powers of the House of Commons' (27 November 2012), House of Commons Library, dicapai 4 Januari 2020.

79 Ismail (n 67) 2.

tingkah laku dengan sewajarnya.⁸⁰ Kepentingan menjaga kelakuan tertib dan peranan Pengerusi dijelaskan dalam satu Jurnal *House of Commons* bertarikh 22 Januari 1693 seperti berikut,

*To the end that all the Debates in this House should be grave and orderly, as becomes so great an Assembly; and that all Interruptions should be prevented; Be it Ordered and Declared, That no Member of this House do presume to make any Noise or Disturbance, whilst any member shall be orderly debating, or whilst any Bill, Order or other Matter, shall be in reading or opening: And, in case such Noise or Disturbance, that Mr Speaker do call upon the Member, by Name, making such Disturbance: And that every such Person shall incur the Displeasure and Censure of the House.*⁸¹

Secara asasnya, Pengerusi akan memberikan amaran dengan menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, dengan memerintahkan ahli berkenaan untuk berhenti bercakap.⁸² Sekiranya seseorang ahli berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan menghina Dewan atau tidak mengendahkan kuasa Pengerusi secara berterusan maka Pengerusi boleh memerintahkan Ahli yang berkelakuan sedemikian keluar dari Majlis Mesyuarat selama suatu tempoh tidak melebihi 10 hari dan Ahli ini hendaklah dengan serta merta keluar dari Majlis Mesyuarat.⁸³ Kuasa pengusiran ini adalah signifikan kerana perkataan 'hendaklah' yang dirujuk di sini bermaksud tiada pilihan lain bagi Speaker kecuali mewajibkan ahli Parlimen yang berterusan mengungkapkan perkataan atau menunjukkan perbuatan tidak sopan ini untuk keluar dari Dewan.⁸⁴

Jika mesyuarat berakhir sebelum tamat tempoh Ahli itu diperintahkan keluar maka baki tempoh hukuman yang dijalkan seseorang Ahli itu hendaklah dibawa ke mesyuarat akan datang melainkan jika Parlimen dibubarkan. Pemrorogasi (pemberhentian sementara) Parlimen tidak

80 Rules of Debate, New South Wales Legislative Council Practice, 299.

81 Gay (n 78) 1.

82 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PM 44(1).

83 *ibid.* PM 44(2).

84 S. Buang, 'Apa Dah Jadi Dengan Ahli Parlimen?' *Sinar Harian* (Shah Alam, 26 Julai 2020) <<https://www.sinarharian.com.my/article/93994/KHAS/Pendapat/Apa-dah-jadi-dengan-ahli-Parlimen>> dicapai 10 Januari 2021.

menggugurkan baki tempoh hukuman yang dikenakan ke atas seseorang Ahli.⁸⁵ Sekiranya Peraturan Mesyuarat 44(1) dan (2) tidak mencukupi untuk menangani kelakuan seseorang ahli, tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 44(3) boleh dimulakan untuk menggantung perkhidmatan seseorang ahli. Pengerusi mesyuarat hendaklah menamakan Ahli yang berkenaan iaitu dengan menyebut namanya. Tatacara menggantung perkhidmatan seseorang Ahli kebiasaannya dengan menyebut nama Ahli tersebut seperti berikut:⁸⁶

Saya dengan ini menamakan Ahli Yang Berhormat Tuan [nama].

Seorang Menteri hendaklah selepas itu bangun dan mencadangkan dan seorang Menteri lain menyokong suatu usul seperti berikut:

Bahawa Majlis Mesyuarat dengan ini memutuskan bahawa Tuan [nama] digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat ini sehingga (tarikh).

Pengerusi hendaklah mengemukakan usul itu bagi diputuskan oleh Majlis Mesyuarat tanpa sebarang pindaan, penangguhan atau perbahasan. Sekiranya usul tersebut dipersetujui dan diterima maka ahli yang berkenaan akan diarahkan keluar dari Dewan dan tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat yang sedang berjalan itu. Apabila ahli yang diarahkan keluar dewan berdegil enggan dikeluarkan daripada Dewan maka ahli tersebut boleh dikeluarkan dengan kekerasan dengan bantuan Bentara Mesyuarat.⁸⁷ Walau bagaimanapun, jarang sekali kekerasan digunakan oleh Bentara untuk mengeluarkan ahli Parlimen yang degil. Hakikatnya, Peraturan Mesyuarat 44 memperuntukkan tiga kaedah di mana Yang di-Pertua boleh menggantung seorang ahli yang telah melakukan kesalahan menggunakan bahasa kurang sopan (biadab) atau seksis di dalam Dewan. Pertama, menggunakan kuasanya sendiri yang diberikan Peraturan Mesyuarat iaitu penggantungan tidak melebihi 10 hari. Kedua, melalui penamaan mengikut suatu usul oleh seorang Menteri (termasuk Timbalan Menteri) untuk penggantungan melebihi 10 hari dan usul ini tidak akan dibahaskan. Ketiga, melalui kuasa mutlak

85 Z. Ibrahim, 'Kawalan dan Prosiding Dewan' (Persidangan Speaker-speaker Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia kali ke-31, Kota Kinabalu, 2002) 3.

86 Ismail (n 67) 3.

87 Abdullah (n 4) 78-9.

Majlis Mesyuarat yang dibuat melalui suatu usul yang keputusannya akan dicadangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.⁸⁸

Selain daripada peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 44, Yang di-Pertua Dewan Rakyat berkuasa di dalam mengawal tatacara di dalam Dewan berpandukan kuasa yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat 99 dan 100. Peraturan Mesyuarat 99 memberikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kuasa untuk mentafsirkan mana-mana Peraturan Mesyuarat dan amalan majlis mesyuarat dan tafsiran beliau adalah muktamad kecuali jika terdapat usul persendirian yang menentang keputusan tersebut. Melalui Peraturan Mesyuarat 99 juga, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan sesuatu Peraturan-peraturan Mesyuarat dan amalannya. Manakala Peraturan Mesyuarat 100 memberikan kuasa kepada Yang di-Pertua mengawal selia perkara yang tidak diperuntukkan secara khusus dalam Peraturan Majlis Mesyuarat seperti mengarahkan bagaimana Peraturan Mesyuarat patut dilaksanakan.

Cadangan penambahbaikan dan kesimpulan

Keputusan yang dibuat Speaker kebiasaannya tidak terkandung di dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat. Keputusan untuk menentukan sama ada sesuatu perkataan atau perbuatan itu boleh dianggap menghina Dewan adalah bergantung sepenuhnya kepada budi bicara Yang di-Pertua atau Pengerusi yang terikat untuk mentafsirkannya berdasarkan punca kuasa daripada Peraturan Mesyuarat.⁸⁹ Hakikatnya perbuatan ahli atau sesiapa sahaja yang berada di dalam kawasan Parlimen semasa mesyuarat boleh dikatakan melakukan perbuatan menghina Parlimen jika ia bercanggah dengan undang-undang seperti Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.⁹⁰ Perbuatan ahli tidak kira melalui gerak anggota badan⁹¹ atau percakapannya boleh

88 Ismail (n 67) 4-5.

89 Lihat Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md. Yusof dalam DR Deb 9 Ogos 2018, Bil. 16. Rujuk kompilasi Petua Speaker dalam A.Z.Z. Abidin dan lain-lain, 'Selected Speaker's Ruling (2006-2019)' dalam M.A.M. Yusof dan lain-lain (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Sweet & Maxwell, 2020) 214-5.

90 M.Z. Ismail, 'Amalan dan Tradisi Parlimen' (Persidangan Speaker-speaker Seluruh Malaysia kali ke-20, Kota Bharu, 1988) 10.

91 S.N.Z. Miscon, 'Isyarat Lucah: 23 MP Bawa Usul ke atas Timbalan Menteri' (*Malaysia Dateline*, 23 Disember 2020) <<https://malaysiadateline.com/isyarat-lucah-23-mp-bawa-usul-ke-atas-willie-mongin/>> dicapai 11 Julai 2021.

ditafsirkan sebagai lucah atau tidak adalah bergantung kepada budi bicara Yang di-Pertua.

Sebagai tambahan, tindakan ahli Parlimen yang membuat provokasi kepada ahli lain sehingga menimbulkan kemarahan dan penggunaan bahasa kurang sopan juga merupakan suatu perkara yang harus diberikan pertimbangan agar tindakan yang sama boleh diambil di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat seperti terhadap ahli Parlimen yang mengeluarkan perkataan kurang sopan.⁹² Memandangkan perkataan kurang sopan di dalam Parlimen Malaysia tidak pernah dikodifikasi di dalam satu bentuk sebagai senarai '*Unparliamentary Language*' maka mungkin sudah sampai masanya Parlimen Malaysia mempertimbangkan untuk menyenaraikan perkataan kurang sopan sejak Parlimen Malaysia mula bersidang. Amalan menyenaraikan bahasa kurang sopan di Parlimen negara-negara Komanwel telah dilakukan setiap tahun dalam jurnal *The Table, the Journal of the Society of Clerks-at-the-Table in Commonwealth Parliaments*.

1. Pindaan kepada Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952

Amaran dan tindakan keluar yang diarahkan Speaker untuk mengeluarkan ahli Parlimen yang berbahasa kurang sopan bukan sesuatu yang baharu.⁹³ Setiap kali berlakunya penggunaan bahasa kurang sopan maka akan diikuti pertikaman lidah berpanjangan dalam kalangan ahli di dalam Dewan Rakyat maka setiap kali itulah Speaker akan membuat Petua menegur perbuatan ahli Parlimen. Maka timbul satu persoalan sama ada mekanisme amaran dan Petua Speaker ini dihormati dan dijunjung tinggi oleh ahli Parlimen walaupun telah wujud Peraturan Mesyuarat 43 dan 44, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang menyatakan keputusan Yang di-Pertua adalah muktamad dan beliau bertanggungjawab memastikan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat dihormati dan keputusan hanya boleh disemak semula melalui satu usul persendirian.⁹⁴

92 Tindakan provokasi ahli terhadap ahli lain yang menyebabkan penggunaan perkataan kurang sopan di dalam Dewan Rakyat. Rujuk DR Deb 7 Ogos 2018, Bil. 14, 41.

93 Tindakan ini dilakukan secara konsisten oleh Speaker: Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia dalam DR Deb 23 Okt 2008, Bil. 51; YB Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md. Yusof dalam DR Deb 9 Ogos 2018, Bil. 16; YB Datuk Azhar Azizan Harun dalam DR Deb 21 Jul 2020, Bil. 7, 1.

94 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PM 43 & 44.

Oleh itu, sudah sampai masanya tindakan yang lebih tegas harus diambil. Pindaan terhadap Peraturan-peraturan Mesyuarat di dalam Dewan Rakyat dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 perlu dilakukan. YB Kasthuri Patto pernah mencadangkan Peraturan Mesyuarat 36(13) diwujudkan agar sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(4) dan 36(10) terus dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk siasatan dan Peraturan Mesyuarat 36(14) (yang baharu) sekiranya dengan sengaja melakukan kesalahan di bawah (4) dan (10) harus dijatuhkan denda tidak kurang daripada RM500 atas kesalahan di bawah seksyen 9(c), Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952.⁹⁵

2. Cadangan usul 'Bahasa Kurang Sopan' dikemukakan pada setiap awal permulaan persidangan Dewan Rakyat atau Dewan Negara

Usul merupakan cadangan yang boleh dikemukakan setiap ahli untuk mendapat ketetapan di dalam Dewan. Dengan adanya ketetapan (resolusi) daripada Dewan maka usul akan menjadi sebahagian perintah dan jika diingkari boleh dianggap menghina Dewan dan dikenakan hukuman di bawah Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952. Pada 13 Jun 2012, satu usul berhubung bahasa kurang sopan telah dikemukakan di dalam *House of Commons*, United Kingdom seperti berikut:

*That this House dislikes the unacceptable language allowed during the first Opposition Day debate on 13 June 2012; and directs that the occupants of the Chair should not regard its use then as being a binding precedent.*⁹⁶

Oleh itu, usul bahasa kurang sopan boleh dikemukakan Kerajaan setiap kali sebelum penggal Parlimen baharu dibuka bagi mengingatkan setiap ahli Parlimen peri pentingnya menjaga tertib dan martabat institusi Parlimen daripada menggunakan bahasa kurang sopan di dalam Parlimen.

95 K. Patto, 'Propose for 2 new amendments to the Parliamentary Standing Orders against MPs who utter racist, sexist, offensive and unparliamentary remarks in Parliament' (*DAP Malaysia*, 22 Jul 2020) <<https://dapmalaysia.org/statements/2020/07/22/30079/>> dicapai 11 Januari 2021.

96 Usul Bahasa Kurang Sopan di dalam House of Commons, United Kingdom (13 Jun 2012) <<https://edm.parliament.uk/early-day-motion/44331/unparliamentary-language>> dicapai 19 Januari 2021.

3. Whip Parti

Selain melalui kaedah perundangan, kaedah bukan undang-undang juga boleh digunakan. Perbincangan dan perjumpaan bersama whip parti berhubung penggunaan perkataan-perkataan yang berbentuk hasutan, rasis, biadab dan seksis dalam Dewan Rakyat wajar dilakukan. Pendekatan ini dilakukan oleh Yang di-Pertua Datuk Azhar Azizan Harun di samping mengeluarkan Petua Speaker terhadap penggunaan bahasa kurang sopan sebelum itu.⁹⁷ Kesemua whip parti yang hadir telah sebulat suara memperbaharui komitmen mereka untuk mempertahankan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dalam memastikan perkataan berbaur hasutan, rasis, biadab dan seksis tidak digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

4. Kod Etika Ahli Parlimen Malaysia

Di peringkat antarabangsa, terdapat pelbagai institusi dan badan antarabangsa yang telah mengesyorkan pelbagai kod etika kepada ahli Parlimen. *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)* mencadangkan suatu *Recommended Benchmarks for Codes of Conduct Applying to Members of Parliament*. Antara tujuan pembentukan kod tatakelakuan ahli Parlimen ini adalah untuk mendorong ahli Parlimen menjadi lebih beretika dalam tingkah laku serta meningkatkan kesopanan dan memperkukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi Parlimen.⁹⁸ Hal ini dapat dilihat di dalam Perenggan 3.4 kod ini yang menyatakan sikap bertamadun (sivil) iaitu bagaimana ahli Parlimen harus melayan orang lain dan institusi Parlimen dengan rasa hormat, penuh maruah dan sopan termasuk kepada kakitangan Parlimen. Perenggan 3.5 pula berhubung tingkah laku iaitu setiap ahli Parlimen mestilah tidak melakukan serangan, gangguan atau menakut-nakutkan orang lain.⁹⁹

Selain itu, terdapat juga *Common Ethical Principles for Members of Parliament* yang dicadangkan oleh Pertubuhan Pemantauan Parlimen di peringkat dunia agar institusi Parlimen menangani

97 Rujuk Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam DR Deb 21 Jul 2020, Bil. 7, 1.

98 Commonwealth Parliamentary Association (CPA), *Recommended Benchmarks for Codes of Conduct applying to Members of Parliament* (London, CPA, 2016) 4.

99 *ibid.* perenggan 3.4 dan 3.5.

persoalan integriti ahli Parlimen khususnya menjadi lebih beretika dan sopan apabila bersuara di dalam Dewan. Terdapat lima elemen penting yang disenaraikan yang seharusnya menjadi etika dan prinsip ahli-ahli Parlimen termasuklah mempertahankan demokrasi, hak asasi manusia dan keluhuran undang-undang, berkhidmat demi kepentingan orang awam, memastikan integriti awam, bersifat profesional, dan menghormati kepelbagaian dan pluralisme.

Justeru, dua elemen penting di dalam etika dan prinsip ahli Parlimen yang boleh dicadangkan berdasarkan dokumen ini dapat dilihat di mana ahli Parlimen harus bersikap profesional. Ahli Parlimen harus bersikap menghormati ahli Parlimen yang lain atau kepada warganegara dan ini termasuk tidak menjatuhkan martabat institusi Parlimen itu sendiri. Selain itu, ahli Parlimen harus bertindak secara bertamadun dan menggunakan perkataan sopan dan bersesuaian di dalam perbincangan politik dan perbahasan dewan.

Bagi menghormati kepelbagaian dan pluralisme, seharusnya ahli Parlimen bersikap dan mempunyai tanggungjawab memastikan atmosfera yang bersifat inklusif di dalam badan perundangan bagi semua segmen di dalam masyarakat. Pada masa yang sama ahli Parlimen harus menunjukkan sikap toleransi sifar kepada ahli Parlimen yang menggunakan ungkapan kebencian dalam apa bentuk sekalipun. Ini termasuklah intimidasi, sama ada terhadap bangsa, etnik, gender, agama, status minoriti atau apa-apa perkara. Ahli Parlimen juga bertanggungjawab mengambil peranan melindungi ruang bagi perbincangan politik secara pluralisme di dalam institusi Parlimen dan masyarakat. Ahli Parlimen mesti menghormati rakan-rakannya dengan hormat tanpa mengira parti atau afiliasi politik mereka.¹⁰⁰

Oleh itu, sudah sewajarnya Parlimen Malaysia melalui sebuah Jawatankuasa Dewan atau Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen¹⁰¹ yang merangkumi pelbagai parti boleh ditubuhkan untuk

100 GOPAC, *Common Ethical Principles for Members of Parliament* <http://gopacnetwork.org/Docs/Common_Ethical_Principles_for_Members_of_Parliament.pdf> dicapai 17 Januari 2021.

101 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PM 81.

merangka dan mencadangkan sebuah Kod Tatakelakuan Ahli Parlimen Malaysia. Cadangan kodifikasi *Recommended Benchmarks for Codes of Conduct Applying to Members of Parliament* oleh *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)* dan *Common Ethical Principles for Members of Parliament* yang digubal oleh Pertubuhan Pemantauan Parlimen boleh dijadikan asas bagi Kod Tatakelakuan Ahli Parlimen Malaysia.

Jadual 1. Senarai sebahagian perkataan kurang sopan di Malaysia

Bil	Tarikh	Bahasa Kurang Sopan / <i>Unparliamentary language</i>
1.	27 Mei 1963	Dia jadi tali barut siapa...
2.	4 Januari 1964	Basuhkan jiwanya yang kotor dan hatinya yang busok itu biar dia insaf dan menjadi saorang laki-laki yang tulin
3.	7 Januari 1964	Amaran dari Speaker
4.	3 Mac 1967	<i>Go to hell</i>
5.	22 November 1983	Tahi dan kurang ajar
6.	24 Oktober 1989	Kurang ajar, histeria
7.	15 November 1997	Kakak tua
8.	21 Jun 2007	Otak bodoh
9.	9 Mei 2007	Bocor
10.	30 April 2008	<i>Bigfoot</i>
11.	2 Julai 2009	Bodoh
12.	18 Julai 2013	Pondan
13.	19 Oktober 2015	Bodoh
14.	20 Oktober 2015	Speaker rujuk perkataan ahli: <i>'I deliberately abused my power. I sabotaged the investigation'</i> .
15.	23 Mac 2016	Berbohong
16.	30 Mac 2016	<i>Unparliamentary sign language</i>

Bil	Tarikh	Bahasa Kurang Sopan / <i>Unparliamentary language</i>
17.	3 November 2016	Speaker zalim
18.	21 November 2016	<i>The only woman with a 'kok' is in Seputeh</i>
19.	26 Oktober 2017	Bodoh
20.	2 April 2018	Kurang ajar
21.	23 Oktober 2018	Menipu
22.	18 Julai 2019	Rogol bawah umur Bangsat, babi
23.	9 Oktober 2019	<i>Sexist remark</i>
24.	4 November 2019	Kurang ajar
25.	19 November 2019	Kerajaan penipu Kepala otak hang
26.	21 November 2019	Syaitan-syaitan di sebelah sana.
27.	13 Julai 2020	Gelap dan sapu bedak
28.	2 November 2020	Tidak makan ubat wei? Makan ubat.
29.	5 November 2020	Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Sepang ini tidak makan ubat, dia tanya soalan yang pelik-pelik. Soalan ini keluar daripada topik. Kerajaan Perikatan Nasional adalah kerajaan yang halal.
30.	10 November 2020	Curi duit
31.	10 November 2020	Katak Puru
32.	11 November 2020	DG takut mati
33.	12 November 2020	Akan tetapi itu <i>ruling</i> yang bodoh yang jahat!
34.	1 Disember 2020	Oleh sebab itu- inilah masalahnya. Ini yang orang kata dilema orang-orang agama. Tadi pun Yang Berhormat Tasek Gelugor pun bekas Hakim Mahkamah Syariah. Akan tetapi penipu. Jadi inilah masalahnya apabila orang-orang agama menjadikan imej agama semakin runtuh.

Bil	Tarikh	Bahasa Kurang Sopan / <i>Unparliamentary language</i>
35.	1 Disember 2020	Yang Berhormat Kuala Krai, ini <i>you</i> tidak boleh faham. Ini bukan <i>standard you</i> . Duduk lah!
36.	1 Disember 2020	Budak-budak duduk dahulu...
37.	7 Disember 2020	Itu saya setuju bahawa jalan raya di Sabah ini, Memang teruk. Lebih-lebih lagi, teruk lagi diterukkan oleh kerajaan Warisan dahulu.
38.	7 Disember 2020	'Yang Berhormat Shah Alam, <i>you shut up!</i> You tiada buat apa-apa, jadi gila sahajalah kau'.

Perakuan

Penulis merakamkan penghargaan terhadap bantuan oleh pasukan dari Institusi Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM), khususnya Farah Nabilah binti Mohd Firdaus, Akmal bin Rahim, dan Muhamad Zikri Jinal dalam menyusun senarai bahasa kurang sopan bagi tahun 2020.

Rujukan

Abdullah A.B., *Parlimen Malaysia: Amalan dan Chara* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969).

Abidin A.Z.Z. dan lain-lain, 'Selected Speaker's Ruling (2006-2019)' dalam M.A.M. Yusof dan lain-lain (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Sweet & Maxwell, 2020).

Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952.

Aturan Urusan Mesyuarat DR 17 Disember 2020, 22.

Australian HoR Deb 5 Mei 1978, 1894-1895 <https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/download/hansard80/hansardr80/1978-05-05/toc_pdf/19780505_reps_31_hor109.pdf;fileType=application%2Fpdf#search=%22hansard80/hansardr80/1978-05-05/0083%22> dicapai 1 September 2020.

Australian Senate Deb 30 Nov 2009, 9435 <https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/download/chamber/hansards/2009-11-30/toc_pdf/7320-5.pdf;fileType=application%2Fpdf#search=%22chamber/hansards/2009-11-30/0610%22> dicapai 1 September 2020.

Australian Senate Deb 15 Mei 2002, 1631 <<https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/search/display/display.w3p;db=CHAMBER;id=chamber%2Fhansards%2F2002-05-15%2F0144;query=Id%3A%22chamber%2Fhansards%2F2002-05-15%2F0146%22>> dicapai 1 September 2020.

Australian HoR Deb 19 Jun 2003, 17045-6 <https://parlinfo.aph.gov.au/parlInfo/download/chamber/hansardr/2003-06-19/toc_pdf/2595-2.pdf;fileType=application%2Fpdf#search=%22chamber/hansardr/2003-06-19/0137%22> dicapai 27 Ogos 2020.

Australian HoR Deb 17 Jul 2014 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/9c18a223-4397-465e-bb44-fdddfbae3cf2/&sid=0115> dicapai 1 September 2020.

Australian HoR Deb 27 Nov 2014 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/07c1718f-8e51-4958-9cc9-f8492bfb5c93/&sid=0143> dicapai 24 Ogos 2020.

Australian HoR Deb 7 Sep 2017 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/951d369a-2fe5-4c5a-b7b6-f3bbf485cb15/&sid=0097> dicapai 24 Ogos 2020.

Australian HoR Deb 5 Dis 2017 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/32a123fb-7b68-4315-aa37-273ae7bed1ad/&sid=0115> dicapai 1 September 2020.

Australian HoR Deb 4 Mac 2020 <https://www.aph.gov.au/Parliamentary_Business/Hansard/Hansard_Display?bid=chamber/hansardr/ad5ca6c0-b47f-4462-b26c-d5271c755f99/&sid=0125> dicapai 1 September 2020.

Australian House of Representatives (HoR) Standing Orders.

Australian Senate Standing Orders.

Balakrishnan M., 'Parliamentary Questions and Debates' dalam Yusof M.A.M. dan lain-lain (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Sweet & Maxwell, 2020).

- Blackburn R. dan lain-lain, *Griffith and Ryle on Parliament: Functions, Practice and Procedures* (2nd edn, London, Sweet & Maxwell, 2003).
- Clerk of the House of Commons, *Use of Unparliamentary Language* (UK HC, 2012-2013, 19) <<https://publications.parliament.uk/pa/cm201213/cmselect/cmproced/writetv/language/p19.htm>> dicapai 15 Julai 2020.
- Commonwealth Parliamentary Association (CPA), *Recommended Benchmarks for Codes of Conduct applying to Members of Parliament* (London, CPA, 2016).
- Consolidated List of Unparliamentary Expressions – 2009-2020 House of Representatives. (Canberra, Department of the House of Representatives, tidak diterbitkan).
- DR Deb 23 Okt 2008, Bil. 51
- DR Deb 6 Nov 2008, Bil. 57.
- DR Deb 27 Nov 2012, Bil. 68, 39.
- DR Deb 24 Jun 2013, Bil. 1, 4.
- DR Deb 9 Apr 2015, Bil. 20, 112-6.
- DR Deb 7 Ogos 2018, Bil. 14, 41.
- DR Deb 9 Ogos 2018, Bil. 16
- DR Deb 13 Jul 2020, Bil. 2.
- DR Deb 14 Jul 2020, Bil. 3, 1.
- DR Deb 21 Jul 2020, Bil. 7, 1.
- DR Deb 11 Nov 2020, Bil. 34, 85.
- Elder D.R., *House of Representatives Practice* (7th edn, Canberra, Department of the House of Representatives, 2018).
- Gay O., 'House of Commons Background Paper: Disciplinary and Penal Powers of the House of Commons' (27 November 2012), House of Commons Library, dicapai 4 Januari 2020.

- GOPAC, *Common Ethical Principles for Members of Parliament* <http://gopacnetwork.org/Docs/Common_Ethical_Principles_for_Members_of_Parliament.pdf> dicapai 17 Januari 2021.
- Harris M. dan Wilson D., *McGee Parliamentary Practice in New Zealand* (Auckland, Oratia Books, 2017).
- Hock L.K., 'Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dan Implikasinya', (Seminar Sistem Berparlimen di Terengganu, Kuala Terengganu, 1993).
- House of Commons Code of Conduct approved by the House of Commons* <<https://publications.parliament.uk/pa/cm201719/cmcode/1882/188201.htm>> dicapai 19 Januari 2021.
- Hughes G., *An Encyclopedia of Swearing: The Social History of Oaths, Profanity, Foul language, and ethnic slurs in the English-speaking world* (London, ME Sharpe, 2006).
- Ibrahim Z., 'Kawalan dan Prosiding Dewan' (Persidangan Speaker-speaker Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia kali ke-31, Kota Kinabalu, 2002).
- Ismail M.Z., 'Amalan dan Tradisi Parlimen' (Persidangan Speaker-speaker Seluruh Malaysia kali ke-20, Kota Bharu, 1988).
- ___ 'Penggantungan Ahli Dari Dewan' (Persidangan Speaker-speaker Dewan Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia kali ke-32, Subang Jaya, 2003).
- Jack M., *Erskine May Parliamentary Practice* (24th edn, Butterworths, Lexis Nexis, 2011).
- McKay W. dan lain-lain, *Erskine May Parliamentary Practice* (23rd edn, Butterworths, Lexis Nexis, 2004).
- Natzler D. dan Hutton M., *Erskine May's Treatise on The Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (25th edn, Butterworths, Lexis Nexis, 2019).
- New South Wales Legislative Council Practice, *Rules of Debate*.

Odgers J.R., *Odgers' Australian Senate Practice* (Canberra, Australian Government Publishing Service for Department of the Senate, 1997) <https://www.aph.gov.au/About_Parliament/Senate/Powers_practice_n_procedures/Odgers_Australian_Senate_Practice/Chapter_10#footnote-102-backlink>.

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Perlembagaan Persekutuan.

Rules of Debate, New South Wales Legislative Council Practice.

Salisbury C., 'Mr Speaker, I withdraw...': standards of (mis) behaviour in the Queensland, Western Australian and Commonwealth parliaments compared via online Hansard' (2011) 1 *Australasian Parliamentary Review* 26, 170-1.

Select Committee on Procedure UK HC, *Short speeches* (Fourth Report, 1990-1991, xi).

Standing Orders House of Commons UK.

UK HC Deb 19 Jan 2012.

UK HC, *Code of Conduct* (2017-2019, 1474).

Usul Bahasa Kurang Sopan di dalam House of Commons, United Kingdom (13 Jun 2012) <<https://edm.parliament.uk/early-day-motion/44331/unparliamentary-language>> dicapai 19 Januari 2021.

Wilding N.W. dan Laundry P., *An encyclopaedia of parliament* (New York, FA Praeger, 1968).

Yusof M.A.M. dan lain-lain (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Sweet & Maxwell, 2020).